

12 JUN 1997

Lapangan Terbang

PULAU PINANG TUNGGU BUTIRAN LANJUT LAPANGAN TERBANG BARU, KATA KOH

PULAU PINANG, 12 Jun (Bernama) -- Kerajaan negeri sedang menunggu arahan dan butiran lanjut dariapda Kerajaan Persekutuan mengenai cadangan pembinaan lapangan terbang antarabangsa yang baru dekat pantai Kuala Muda di sempadan Pulau Pinang dan Kedah.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata kerajaan negeri juga sedang menunggu maklumat bagaimana lapangan terbang baru itu dapat melengkapkan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas.

"Jika cadangan lapangan terbang baru itu dilaksanakan, Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas akan mempunyai peranan baru yang sama penting dengan sekarang," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian jaminan Dana Mutiara Berhad di sini, hari ini.

Beliau mengulas pengumuman Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid, semalam, bahawa lapangan terbang antarabangsa baru itu dibina di atas pulau buatan manusia yang akan ditebusguna berdekatan pantai Kuala Muda.

Sanusi berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi kelulusan kepada cadangan pembinaan lapangan terbang baru itu, Sabtu lepas.

Kepada satu soalan, Koh berkata cadangan pembinaan lapangan terbang baru itu akan menggalakkan lagi industri pelancongan di negeri ini jika perkhidmatan teksi air dan feri laju diadakan secara terus di antara pulau itu dan bahagian utara Pulau Pinang iaitu Batu Feringghi, Georgetown dan lokasi lain.

Koh berkata beliau telah merancang untuk memperluaskan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas dan mencari lokasi lapangan terbang antarabangsa yang baru di sekitar negeri ini dan sejak 1991, Pulau Pinang menawarkan dua tempat di Seberang Perai -- Bertam di Kepala Batas dan Estet Byram di Nibong Tebal.

"Bagaimanapun, kerajaan-kerajaan negeri Kedah dan Pulau Pinang juga sedang melobi untuk menempatkan lapangan terbang antarabangsa baru itu di negeri masing-masing. Jawatankuasa Pembangunan Wilayah Utara menyerahkannya kepada Perdana Menteri untuk diputuskan," katanya.

Beliau berkata kira-kira dua bulan lepas, Sanusi mencadangkan kepadanya supaya Kedah dan Pulau Pinang bekerjasama berhubung cadangan lapangan terbang baru itu di sebidang tanah tebusguna di sempadan itu.

Mengenai peranan Lapangan Terbang Bayan Lepas, beliau berkata lapangan terbang itu akan memperkukuhkan lagi peranannya sebagai pusat bagi pengedaran kargo dan fret untuk industri elektronik, komputer dan industri berkaitan di negeri ini.

Beliau berkata lapangan terbang itu juga akan memberi perkhidmatan kepada Koridor Silikon yang terletak di sepanjang Bayan Lepas, Perai hingga ke Kulim, Kedah.

Koh berkata peranan dan potensi baru lapangan terbang itu semakin menonjol sejak tiga bulan lepas apabila beberapa syarikat multinasional di sini menubuhkan pusat fret udara utama bagi rantau Asia Pasifik di negeri ini.

Beliau berkata Perbadan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Malaysia Airport Berhad seang bekerjasama dengan jabatan berkaitan untuk segera menyediakan kemudahan yang kini sangat diperlukan.

Peranan lapangan terbang itu juga akan terus berkembang berikutan pembinaan jambatan kedua di Koridor Silikon itu yang menghubungkan Pulau Pinang dengan Lebuh raya Utara Selatan menerusi Juru, katanya. -- BERNAMA

SA NAK

